

TARIKH : 20 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

MRT Laluan Putrajaya bawa limpahan ekonomi

MRT Laluan Putrajaya bawa limpahan ekonomi

Kadar sewa rumah naik, aktiviti perniagaan setempat rancak di sekitar stesen

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya membawa bersama limpahan ekonomi di kawasan persekitaran sepanjang jajaran, sekali gus berupaya menghidupkan aktiviti perniagaan setempat.

Antara lain, ia merangkumi kenaikan kadar sewa rumah dan membuka peluang peniaga kecil mendapat pulangan lebih lumayan dengan kehadiran orang ramai.

Kakitangan syarikat pemuja perumahan, Abdul Ammar Adib Roslan, 29, bersyukur dengan pembinaan Stesen MRT Kampung Batu yang berhampiran dengan rumahnya.

Kemudahan itu, katanya, membolehkan beliau ke tempat kerja berhampiran Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan mudah, selain ke tapak projek di Putrajaya dengan lebih cepat berbanding sebelum ini.

"Sejak beberapa bulan lalu, kebanyakan sewa rumah di kawasan ini meningkat antara RM100 hingga RM200 sebulan kerana kewujudan MRT.

"Sebelum ini sewa rumah di kawasan ini dalam lingkungan RM700 ke RM1,200 bergantung kepada jenis rumah tapi kini naik menjadi RM800 sehingga RM1,300," katanya.

Beliau yang berasal dari Negeri Sembilan yakin walaupun sewa meningkat, kediaman di kawasan berkenaan terus menjadi pilihan kerana lokasinya

yang strategik.

Kakitangan awam, Melurnorsarifaini Mohammad, 40, berkata pembinaan MRT Laluan Putrajaya amat dinantikan penduduk berhampiran Stesen MRT Kentonmen.

Tak perlu tempuh kesesakan

Beliau yang sudah 18 tahun tinggal di kawasan berkenaan, menyifatkan laluan MRT mereka ke pusat bandar raya dan dan Putrajaya kerana tidak perlu lagi berdepan dengan kesesakan.

"Walaupun baru beroperasi, saya dapat lihat kesesakan teruk di kawasan ini terutama pada waktu puncak berkurangan.

"Saya harap ini akan menjadi antara faktor orang ramai memilih tinggal di kawasan perumahan di sini kerana sudah ada kemudahan MRT, selain boleh berjalan beberapa minit ke Stesen MRT Kentonmen," kata ibu kepada tiga anak itu.

Peniaga makanan berhampiran Stesen MRT Kentonmen, Mohd Anuar Madson, 41, berharap perniagaannya akan mendapat sambutan selepas ini.

Berniaga sejak tujuh tahun lalu, beliau mengakui terjejas teruk sejak pandemik COVID-19 menular.

"Saya harap sangat keadaan akan berubah dan pengguna MRT di kawasan ini menyokong



Mohd Anuar menjual pelbagai jenis makanan ketika tinjauan berhampiran Stesen MRT Kentonmen, Kuala Lumpur. (Foto Azhar Ramli/BH)

perniagaan peniaga kecil seperti kami," katanya.

Penjual air, Irwan Noor Amizan Ngah, 42, turut berkongsi harapan sama dalam usaha memulihkan perniagaannya.

Pesara tentera itu yang berniaga sejak sembilan tahun lalu berharap operasi Stesen MRT Kentonmen secara tidak langsung akan membantu kedudukan ekonomi mereka.

MRT Laluan Putrajaya Fasa

Dua yang mula beroperasi 16 Mac lalu membabitkan laluan sepanjang 57.7 kilometer dengan 36 stesen, iaitu 27 stesen bertingkat dan sembilan stesen bawah tanah.

Laluan itu dirangkaikan dengan lapan stesen yang membolehkan pengguna menukar kepada perkhidmatan monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM).

MRT Laluan Putrajaya Fasa

Sejak beberapa bulan lalu, kebanyakan sewa rumah di kawasan ini meningkat antara RM100 hingga RM200 sebulan kerana kewujudan MRT

Abdul Ammar Adib Roslan, Kakitangan syarikat pemuja perumahan



Walaupun baru beroperasi, saya dapat lihat kesesakan teruk di kawasan ini terutama pada waktu puncak berkurangan

Melurnorsarifaini Mohammad, Kakitangan awam



Dua dibangunkan dengan kos RM30.53 bilion melalui Bandar Sri Damansara, Kepong, Batu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tun Razak, Persiaran KLCC, Kuchai Lama, Seri Kembangan, Cyberjaya dan Putrajaya.

Perkhidmatan dari stesen Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral dikendalikan anak syarikat Prasarana, Rapid Rail Sdn Bhd dengan 49 tren empat gerabak membawa 1,200 penumpang.

